



ALBUM: Prof. Dr. Shahril (lima kanan) dan Prof Ts. Dr. Kamal (empat kiri) bersama ahli Mesyuarat Kolaborasi Program TVET UMPSA Bersama Syarikat di UMSKAL.

UMSKAL tuan rumah Mesyuarat Kolaborasi Program TVET UMPSA

UB 25.04.2024 P.07

LABUAN: Seramai 30 delegasi menghadiri Mesyuarat Kolaborasi Program TVET Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) Bersama Syarikat di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada Rabu lalu.

Mesyuarat bermula jam 9 pagi itu dipengerusikan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia

Sabah (UMS), Prof. Dr. Shahril Yusof.

Pada mesyuarat itu diadakan Pembentangan Program Kerjasama TVET UMS-UMPSA oleh Penolong Naib Canselor Pengembangan Akademik, UMPSA, Profesor Ts. Dr. Kamal Yusof.

Selain itu, taklimat Program TVET; Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Fasiliti Minyak dan Gas; dan Sarjana Muda Teknologi

Penyelenggaraan Fasiliti Elektrik dan Elektronik serta Taklimat Work Based Learning (WBL).

Turut menghadiri mesyuarat itu Timbalan Dekan Fakulti Kejuruteraan UMS, Prof. Madya. Ts. Dr. Mohd Kamaruddin Abd Hamid yang mewakili Dekan FKJ, Prof. Madya Ts. Dr. Ismail Saad, Pengarah Pusat Jaminan Kualiti UMS, Prof. Ir. Ts. Dr. Zainal Zakaria dan Pengarah Pusat Pembana-

gunaan dan Kecemerlangan Akademik UMS, Dr. Denis Andrew D. Lajium.

Hadir sama Pengarah Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik UMPSA, Dr. Noram Irwan Ramli.

Delegasi turut meninjau lokasi tempat melihat anak bulan di Aras 13, Bangunan Menara UMSKAL.

Ahli mesyuarat teruja melihat pemandangan menarik Wilayah Persekutuan Labuan.